

TIDAK LEPAS

PELUANG:
Muhammad Nur Alfian (*tali pinggang merah*) menjatuhkan lawannya dari Vietnam, Tran Dinh Nam, untuk memenangi pingat emas Sukan SEA ke-28 baru-baru ini.
- Foto-foto fail



► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

HAMPIR 12 tengah malam dan lima jam selepas beliau memenangi pingat emas silat tunggal negara minggu lalu, Muhammad Nur Alfian Juma'en masih berada di Hospital Besar Singapura (SGH) kerana mendapatkan rawatan bagi kakinya yang 'koyak'.

Kulit antara jari ketiga dan keempat di kaki kanannya tersiat semasa menangkis tendangan lawannya, Tran Dinh Nam, peserta Vietnam, di final.

Luka yang dalam itu memerlukan sembilan jahitan dan menyebabkan darahnya menitis, tetapi Alfian berkata beliau tidak perasan kakinya cedera.

"Mungkin saya terlalu fokus pada perlawanan. Saya hanya sedar kaki saya luka apabila pengadil menghentikan perlawanan dan menyuruh saya mendapatkan rawatan," kata Alfian, 18 tahun.

"Selepas itu baru saya terasa sakit sedikit," tambahnya.

Ayahnya, Encik Juma'en Ali akur berbesar hati dengan pencapaian anak bongsunya itu.

"Tentulah saya bangga kerana anak-anak saya menyumbang pingat kepada negara. Sekurang-kurangnya, pengorbanan mereka telah meraih ganjaran."

Kakak Alfian, Nur Fazlin Juma'en, 22 tahun, memenangi pingat perak bagi acara ganda puteri (seni).

Alfian seorang yang pendiam, tetapi sinar di mata maya pesilat yang kini bergelar juara berganda Sukan Asia Tenggara (SEA) tidak dapat menyembunyikan keriangannya dapat mempertahankan pingat emas Kelas F (70-75 kg) yang perta-

ma kali dimenanginya di Myanmar dua tahun lalu.

Malah, di upacara penyampaian pingat, jelas kelihatan bergenang air matanya semasa lagu kebangsaan *Majulah Singapura* berkumandang.

"Memenangi pingat emas memang sukar. Tapi orang kata, memenangi pingat emas kedua jauh lebih sukar. Kini baru saya tahu kata-kata itu memang benar," kata Alfian.

Pencapaian beliau mempertahankan emas adalah yang pertama buat seorang pesilat Singapura, sejak Sheik Alau'ddin Yaacob Marican memenangi dua pingat emas pada 1993 dan 1995.

Walaupun Alfian kurang dikenali di Myanmar, kali ini beliau menjadi tumpuan sebagai juara bertahan.

"Namun, jangkaan awam yang bertambah itu bak pembakar semangat saya untuk menang," katanya.

Menunjukkan kematangannya, Alfian bukan sahaja memaksa Tran - juara dunia bertahan - membuat beberapa kesilapan, bahkan meraih kelebihan mata dan psikologi dengan membuat jatuhan di pusingan pertama, kelebihan yang tidak dilepaskannya sehingga akhir perlawanan.

Menurut Alfian, yang masih menuntut di Politeknik Ngee Ann, kemenangan itu memberinya tekad baru memburu kejohanan dunia dan pingat emas di Sukan Asia pada 2018, walaupun mengikut pengakuannya sendiri, beliau memburu kejuaraan dalam setiap pertandingan yang disertainya.

Kemahuan untuk menang penting bagi seorang pesilat kerana ia memisahkan antara pemenang dengan lawannya di gelanggang, kata Alfian.

Tambahnya, meluahkan kata-kata mahu mencapai kejayaan sahaja

tidak memadai, jika kemahuan itu tidak dibuktikan di gelanggang.

Di Sukan SEA ini, pasukan silat negara memenangi satu emas, satu perak dan enam gangsa; pungutan pingat paling rendah berbanding Vietnam, Indonesia, Malaysia dan Thailand - yang masing-masing mempunyai sekurang-kurangnya tiga wakil di final acara tandung.

Vietnam, yang menang paling banyak pingat dalam pencak silat, mempunyai enam wakil.

Sebaliknya, walau bertanding di depan penyokong sendiri, hanya Alfian seorang yang mara ke final, dengan empat lagi pesilat nasional tumbang di separuh akhir.

"Bagi saya, teknik, keupayaan dan stamina kami setanding dengan pesilat terbaik di rantau ini. Namun kami perlu tunjukkan kekentalan mental dan keinginan untuk menang di gelanggang," katanya.

Buat masa ini, beliau hanya ingin merehatkan tubuh yang letih dan berharap kembali cergas secepat mungkin. Alfian juga berhasrat meluahkan lebih banyak masa bersama keluarga yang dirindunya. Kali terakhir beliau dan keluarga makan semeja sebelum terbuka bersama Khamis lalu ialah pada Januari lalu, sebelum beliau bertanding dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia.

Namun Alfian sedar pengorbanan itu wajar bagi setiap atlet yang ingin melangkah lebih jauh dalam sukan pilihannya. Pasukan silat memulakan semula latihan esok, setelah diberi rehat seminggu; dan Alfian tidak sabar berjumpa doktor supaya cepat menanggalkan jahitannya.

"Setiap kemenangan diiringi perasaan gembira yang sukar digambarkan... dan saya berhasrat menikmati lagi," katanya penuh yakin.